

Sime Darby Property Catat Keuntungan dan Jualan 9 Bulan Tertinggi

- Prestasi kukuh merentasi segmen perniagaan dengan rekod Keuntungan dan Jualan sembilan bulan;
- Mencapai Pendapatan dan Keuntungan Operasi masing-masing berjumlah RM3.1 bilion dan RM722.5 juta;
- PBT meningkat 4% kepada RM659.1 juta, paras sembilan bulan tertinggi sejak 2017;
- PATAMI meningkat 4% tahun ke tahun kepada RM430.2 juta, mencerminkan keuntungan yang stabil;
- Jualan sembilan bulan tertinggi sebanyak RM3.4 bilion, mencapai 93% daripada sasaran jualan keseluruhan TK2025 sebanyak RM3.6 bilion;
- Jualan belum dibil mencecah RM4.0 bilion buat kali pertama;
- Kedudukan modal yang kukuh dikekalkan dengan nisbah hutang bersih 34%, memastikan fleksibiliti kewangan untuk peluang pertumbuhan.

ARA DAMANSARA, 20 November 2025 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatatkan keuntungan dan jualan sembilan bulan tertinggi untuk tempoh berakhir 30 September 2025 (“9M TK2025”), disokong oleh fokus strategik terhadap campuran produk yang pelbagai dan permintaan pasaran yang berdaya tahan. Syarikat mencatatkan pendapatan sebanyak RM3.1 bilion, manakala keuntungan operasi (“OP”) dan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) masing-masing ialah RM722.5 juta dan RM659.1 juta. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) berjumlah RM430.2 juta, mencerminkan peningkatan 4% tahun ke tahun (“YoY”).

Margin untung kasar (“GP”) meningkat kepada 34%, melebihi julat panduan Syarikat sebanyak 20–25%, disokong oleh produk perindustrian bermargin tinggi dan kecekapan kos berterusan. Segmen Pembangunan Hartanah kekal sebagai penyumbang terbesar Syarikat, mencatatkan hasil sebanyak RM2.9 bilion dan PBT sebanyak RM624.2 juta, disokong oleh momentum jualan yang kukuh dan kemajuan pembangunan di tapak yang stabil merentasi perbandaran utama seperti Bandar Bukit Raja, City of Elmina, Serenia City, KLGCC Resort, dan Nilai Impian.

Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management* atau “IAM”) turut mencatat prestasi yang kukuh, dengan pertumbuhan pendapatan 28% YoY kepada RM123.1 juta dan PBT berkembang lebih daripada 100% YoY kepada RM41.5 juta. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh prestasi sub-segmen runcit yang kuat, menerusi Elmina Lakeside Mall dan KL East Mall, di samping pengurangan bahagian kerugian daripada usaha sama.

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato' Seri Azmir Merican, berkata, "Kami bersemangat dengan keputusan 9M TK2025 kami. Mencapai jualan sembilan bulan tertinggi di samping meningkatkan keuntungan menunjukkan kekuatan dan daya tahan portfolio kami yang pelbagai, dengan segmen perindustrian menunjukkan prestasi yang amat baik."

Pelancaran dan Jualan 9M TK2025

Pada 9M FY2025, Syarikat melancarkan projek bernilai RM2.5 bilion dalam Nilai Pembangunan Kasar ("GDV"). Produk kediaman bertanah kekal sebagai penyumbang terbesar dengan RM1.0 bilion (42%) daripada jumlah pelancaran, diikuti oleh perindustrian pada RM548.4 juta (22%), kediaman bertingkat tinggi pada RM520.6 juta (21%), dan komersial pada RM354.7 juta (15%). Komponen komersial yang semakin meningkat mencerminkan kematangan perbandaran Syarikat, disokong oleh permintaan yang semakin bertambah untuk ruang gaya hidup dan runcit, yang mempertingkatkan komuniti sekeliling.

Pelancaran penting untuk suku ini termasuk produk kediaman bertanah seperti Serenia Baleria 1 di Serenia City (GDV: RM145.6 juta) dan Avira Hills 1 & 2 di Bandar Ainsdale (GDV: RM55.8 juta), yang menampilkan rumah 2 tingkat kontemporari yang direka dengan susun atur fleksibel untuk menampung kehidupan pelbagai generasi, dan produk perindustrian seperti kilang binaan sedia separa berkembar di XME Business Park 2 di Nilai Impian 2 (GDV: RM53.2 juta). Campuran pelancaran kediaman dan perindustrian yang pelbagai ini menunjukkan fokus Syarikat untuk menangani permintaan pemilik rumah dan pelabur.

Prestasi jualan Sime Darby Property mencapai RM3.4 bilion, yang menandakan pertumbuhan YoY sebanyak 6.7%. Pencapaian ini mewakili 93% daripada sasaran jualan setahun penuh Syarikat sebanyak RM3.6 bilion, yang menggariskan keyakinan pasaran berterusan terhadap penawaran produk Syarikat.

Segmen perindustrian kekal sebagai penyumbang jualan terbesar, menjana RM1.3 bilion (38%) daripada jumlah jualan, diikuti oleh kediaman bertanah pada RM859.1 juta (25%), kediaman bertingkat tinggi pada RM765.7 juta (23%) dan komersial pada RM424.8 juta (13%). Tempahan keseluruhan sehingga 16 November 2025 berada pada RM1.5 bilion.

Pencapaian Kewangan / Operasi Lain

Jualan belum dibil melepasi paras RM4.0 bilion buat kali pertama, mencecah RM4.1 bilion pada 30 September 2025, yang memberikan keterlihatan pendapatan dan aliran tunai yang kukuh sepanjang tiga tahun akan datang. Sementara itu, GDV tidak terjual bagi inventori siap,

kekal rendah pada RM240.9 juta. Setakat 30 September 2025, nisbah hutang bersih meningkat kepada 34.0%, mencerminkan penggunaan modal berterusan untuk mengembangkan aset di bawah pengurusan (“AUM”) dan mempercepatkan pertumbuhan portfolio pendapatan berulang. Syarikat terus mengamalkan pendekatan pembiayaan yang berhemat, memastikan ruang kewangan(*headroom*) yang mencukupi untuk menyokong penjanaan nilai jangka panjang.

Prestasi Sime Darby Property turut mendapat pengiktirafan melalui pelbagai anugerah industri, termasuk menduduki tempat pertama untuk tahun kedua berturut-turut di *The Edge Malaysia Top Property Developer Awards 2025*, serta kemenangan sulungnya di *The Edge Billion Ringgit Club 2025* (Anugerah Pulangan Tertinggi kepada Pemegang Saham Sepanjang Tiga Tahun – permodalan pasaran RM3 bilion ke atas). Syarikat juga diberi penghormatan di *FIABCI Malaysia Property Awards 2025*, di mana Dato’ Seri Azmir Merican telah dinamakan sebagai ‘*Property CEO*’, dan Elmina Lakeside Mall memenangi kategori ‘Runcit (Sehingga 500,000 kaki persegi)’.

Perkembangan Korporat Utama

Tempoh ini diserikan dengan beberapa pencapaian strategik utama. Pada bulan September, Syarikat melancarkan identiti jenama baharunya, yang menandakan peralihan bertujuan daripada pemaju hartanah tradisional kepada sebuah syarikat hartanah.

Prapelancaran KLGCC Mall seluas 240,000 kaki persegi telah diadakan pada bulan Oktober dengan penghunian komited 90%, seterusnya meningkatkan ekosistem KLGCC Resort. Perbandaran itu juga menganjurkan Maybank Championship 2025 bagi Persatuan Golf Profesional Wanita (“LPGA”) untuk tahun ketiga berturut-turut, yang mengukuhkan lagi statusnya sebagai lokasi utama untuk kejohanan golf bertaraf dunia.

Syarikat memperkukuh kerjasamanya dengan SD Guthrie untuk membangunkan koridor perindustrian generasi akan datang seluas 3,000 ekar di Kuala Selangor, berhampiran perbandaran Bandar Bukit Raja. Kerjasama ini menyokong strategi koridor pertumbuhan serantau yang menjangkau dari Klang dan Kapar ke arah Pulau Carey, menghubungkan aktiviti perindustrian daratan dengan cita-cita bandar pelabuhan negeri yang baru muncul.

Prospek TK2025

Melihat ke hadapan, Syarikat kekal untuk mencapai sasarannya bagi TK2025, didorong oleh permintaan stabil merentasi segmen produk utama, pengurusan kos yang berdisiplin, dan sumbangan berterusan daripada portfolio perindustrian dan pendapatan berulang.

“Kedudukan kewangan kami yang kukuh dan hala tuju strategik membolehkan kami memberikan nilai berterusan kepada semua pihak berkepentingan, di samping memberikan kami keyakinan untuk melaksanakan strategi jangka panjang kami. Seiring dengan identiti jenama baharu ini, kami mempercepatkan evolusi kami menjadi untuk sebuah syarikat hartanah – memanfaatkan kekuatan kami dalam pembangunan perindustrian, memperkukuh portfolio pendapatan berulang kami, serta menerajui agenda biodiversiti bandar (*urban biodiversity*),” kata Dato’ Seri Azmir Merican.

-TAMAT-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 26 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2025', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, tempat pertama untuk 'All-Stars' di StarProperty Awards 2025, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Natalie Rose Ariffin | +6012-297 1820 | natalie.ariffin@simedarbyproperty.com
Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | alia.miorazhar@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com